

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	3/4/2019
JABATAN	:	IWK
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

## Perkukuh khidmat, tanggungjawab rawat sisa kumbahan negara

ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LUMPUR

ndah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) kini semakin berkembang dalam memperkukuhkan tanggungjawabnya selepas 25 tahun menjalankan operasi perkhidmatan merawat sisa air kumbahan di negara ini. Pengerusi IWK, Amiruddin Abdul Aziz berkata, sewaktu memulakan operasi pada April 1994, IWK hanya memiliki tenaga kerja seramai 512 orang bagi menyalut operasi dan penyelenggaraan di sistem pembentungan di negara ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, IWK kini memegang tanggungjawab lebih besar apabila perlu menguruskan hampir semua sistem pembentungan di negara ini kecuali di Kelantan, Sabah, Sarawak, Johor Bahru dan Pasir Gudang dengan tenaga kerja seramai 3,319 orang.

"Kalau kita singkap kembali operasi IWK satu ketika dahulu, hanya lebih kurang 46 peratus

# IWK terus berkembang



FOTO: SHAFFRUDDIN ABUL RAHIM

Anirudin (depan, tengah) dan Faizal (depan, tujuh dari kanan) melepaskan belon IWK gergasi disaksikan oleh kakitangan IWK di Perhimpunan Khas sempena Sambutan Ulang Tahun ke-25 IWK di Ibu Pejabat Indah Water Konsortium, semalam

premis-premis bersambung dengan sistem pembentungan untuk merawat sisa kumbahan ini.

"Pada masa kini, terdapat sekitar 78 peratus premis bersambung dengan sistem pembentungan dan dalam masa terdekat, IWK sasatkan untuk mencapai 80 peratus. IWK mengambil tanggungjawab berat ini agar dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negara ini," ka-

tanya ketika berucap pada Perhimpunan Khas IWP Bersempena Ulang Tahunnya ke 25, semalam.

Mengulas lanjut, Amiruddin berkata, sewaktu memulakan operasi dan kerja-kerja penyelenggaraan memerlukan tenaga fizikal oleh kakitangan IWK.

Namun begitu, dengan pembangunan teknologi yang sem-

kin pesat, beliau berkata IWK telah menggunakan sistem yang lebih canggih seperti yang dilaksanakan di Pantai 1 dan dua loji rawatan kumbahan (STP).

"Sistem yang digunakan di lokasi ini hanya memerlukan sebilangan pekerja bagi memberi perkhidmatan kepada lebih kurang 1.43 juta pelanggan.

"Buat masa ini IWK mempunyai 25 juta pelanggan di selu-

ruh Malaysia dan kami mempunyai tanggungjawab besar berkaitan bilangan pengguna dijangka akan terus berkembang selaras dengan pembangunan negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman berkata IWK bukan hanya sinonim dengan aspek penyelenggaraan pembentungan malah badan ini juga turut aktif dalam menghasilkan penyelidikan dan pembangunan (RND) yang dilaksanakan melalui Indah Water Research Centre (IWRIC).

Beliau berkata, IWK turut memberi keutamaan kepada pelanggan malah pihaknya juga memperkenalkan kemudahan platform pembayaran atas talian, e-Bill dan aplikasi pelanggan.

"Walaupun perkhidmatan di sampaikan oleh IWK dianggap sebagai 3D (dirty, dangerous and difficult), namun ia mendorong kami untuk memberi komitmen penuh kepada pelanggan," katanya.

info